

BAHASA ISYARAT DALAM MEDIA MASSA: PERANAN, ISU DAN CABARAN

Nur Qistina binti Mohd Azani¹
Nur Farhana binti Mohd Kamal²
Nurul Bahjah binti Zamanhuri³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: qistinaazani@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: farhanakamal58@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: nurul.bahjah@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Komunikasi merupakan sebahagian penting untuk manusia berhubung namun bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) pendengaran dan pertuturan mereka menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi, memberi idea dan pendapat. Segelintir komuniti OKU pendengaran dan pertuturan sukar menjalani urusan yang melibatkan komunikasi interpersonal yang melibatkan perbualan dua individu kerana sebahagian golongan bukan OKU pendengaran dan pertuturan tidak menguasai bahasa isyarat. Masyarakat di negara ini disarankan mempelajari dan menguasai bahasa isyarat bagi memudahkan komunikasi serta menyantuni golongan ini. Kertas kerja ini dihasilkan untuk menjelaskan mengenai peranan, isu dan cabaran bahasa isyarat dalam media massa menurut sumber yang berautoriti. Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu mengumpulkan data-data melalui media sosial dan bahan-bahan sekunder seperti jurnal dan surat khabar. Hasil dapatan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang golongan OKU pendengaran dan pertuturan supaya mereka berasa tidak disisihkan dan dipinggirkan daripada kegiatan kemasyarakatan. Oleh itu, media massa memainkan peranan yang penting untuk memperluaskan penggunaan bahasa isyarat supaya setiap individu mengetahui asas berkomunikasi dalam bahasa isyarat serta menjadikan bahasa isyarat sebagai bahasa ketiga dalam meraikan golongan ini.

Kata Kunci: Bahasa Isyarat, OKU Pendengaran dan Pertuturan, Komunikasi

Pendahuluan

Bahasa isyarat menjadi semakin penting dalam konteks media massa kerana ia merupakan alat utama komunikasi bagi komuniti OKU pendengaran dan pertuturan. Ia tidak hanya berperanan sebagai komunikasi interpersonal, tetapi juga memiliki impak signifikan dalam menyampaikan informasi dan memperluaskan perspektif masyarakat umum. Kajian ini akan membahas

mengenai peranan penting bahasa isyarat dalam media massa dan cabaran yang perlu dihadapi untuk memastikan keberkesanan dan keberhasilannya.

Pentingnya bahasa isyarat dalam media massa dapat dilihat dari sumbangannya dalam memberikan informasi kepada komuniti OKU pendengaran dan pertuturan. Melalui media massa, bahasa isyarat menjadi jalan untuk mengatasi jurang komunikasi dan memastikan komuniti ini juga dapat turut serta dalam kehidupan sosial. Dengan ini, bahasa isyarat tidak hanya menjadi sebuah alat komunikasi namun menjadi kunci penyatuan sosial dan menyeluruh bagi mereka yang bergantung kepadanya.

Di sebalik peranannya, komuniti OKU pendengaran dan pertuturan mempunyai beberapa cabaran yang memerlukan perhatian yang mendalam. Salah satunya adalah kurangnya penguasaan bahasa isyarat dalam kalangan masyarakat umum walaupun terdapat peningkatan kesedaran namun masih terdapat ketidakseimbangan dalam pemahaman dan penguasaan bahasa isyarat dalam berbagai bentuk media massa. Hal ini dapat membawa kepada stereotaip bahkan meminggirkan komuniti OKU pendengaran dan pertuturan.

Meskipun ada kemajuan dalam menyediakan terjemahan bahasa isyarat dan khidmat jurubahasa isyarat dalam beberapa platform media sosial, namun masih terdapat keperluan untuk memastikan bahawa kemajuan teknologi dapat menyokong dengan baik penggunaan bahasa isyarat dalam rancangan televisyen. Inovasi dan kolaboratif yang berterusan antara komuniti OKU pendengaran dan pertuturan, penyiar di media massa, jurubahasa isyarat dan pengembangan teknologi menjadi kunci untuk mengatasi cabaran ini. Dengan mengkaji lebih dalam mengenai peranan dan cabaran bahasa isyarat dalam media massa, kajian ini berusaha untuk memberikan pemahaman yang holistik tentang bagaimana bahasa isyarat dapat memberi peranan sebagai kekuatan dalam berkomunikasi.

Kajian Lepas

Sejarah Bahasa Isyarat Di Malaysia

Pertama, sebuah kajian yang bertajuk “Interpretasi Bahasa Isyarat: Perbezaan Dan Persamaan Dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (Bim) Dan Kod Tangan Bahasa Malaysia (KTBM)” telah ditulis oleh Siti Zaharah Abdul Rahim & Leelany Ayob (2022). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui perbezaan dan persamaan antara penggunaan BIM dan KTBM dalam interpretasi bahasa isyarat dan faktor yang menyebabkan perkara itu berlaku serta perubahan yang berlaku selepas interpretasi dijalankan. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah perpustakaan dalam memahami dengan lebih lanjut tentang bidang interpretasi bahasa isyarat. Selain itu, temu bual bersama jurubahasa isyarat di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA) dan guru yang mengajar dengan menggunakan bahasa isyarat di Sekolah Pendidikan Khas, Alor Setar juga dilakukan bagi mengukuhkan maklumat yang telah diperolehi melalui pembacaan awal dalam tinjauan kepustakaan. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa BIM dan KTBM saling melengkapi antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana walaupun wujud perbezaan yang ketara terutamanya dari segi penyusunan struktur ayat, BIM dan

KTBM boleh digunakan dalam konteks komunikasi yang sama bagi menjelaskan dengan lebih baik mesej dan makna yang ingin disampaikan oleh penutur.

Kedua, Chong Vee Yee (2018) telah menulis sebuah kajian yang diberi tajuk “Development of Malaysia Sign Language in Malaysia” yang bertujuan untuk memberikan penerangan bernas tentang Pembangunan Malaysia Bahasa Isyarat (BIM) di Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif. Hasil dapatan awal mendapati bahawa kata-kata isyarat asli muncul melalui komunikasi isyarat antara pelajar pekak di luar bilik darjah mereka dan seterusnya komunikasi telah diperkenalkan ke dalam pendidikan untuk pelajar OKU pendengaran. Kata tanda BIM telah disusun dan diterbitkan pada tahun 2000. Istilah “BIM” juga telah dirasmikan melalui penerbitan ini. Kata tanda dalam buku BIM diteliti ciri-cirinya dan pengaruh, seperti bagaimana ia dibentuk.

Kaedah OKU Pendengaran Dan Pertuturan Berkomunikasi

Ketiga, menurut kajian “Mengenali Kaedah Orang Pekak Berkomunikasi” yang dilakukan Abdul Munir Ismail (2012) kajian ini bertujuan untuk menerangkan bahawa OKU pendengaran dan pertuturan berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Pada dasarnya orang pekak merupakan komuniti unik kerana mereka mempunyai kod bahasa isyarat yang tersendiri. Keunikan orang pekak, mereka dilihat seolah-olah tiada kecacatan, tetapi pada hakikatnya mengalami kecacatan tersembunyi. Bagi mendekati orang pekak, perlu difahami kaedah orang pekak berkomunikasi supaya dapat disesuaikan dengan memahami cara mereka berkomunikasi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan info yang berkaitan melalui carian internet. Sebagai rumusan hasil kajian ini, walaupun terdapat pelbagai kaedah orang pekak berkomunikasi, namun Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) paling dominan di kalangan mereka. Hasil kajian juga mendapati di Malaysia terdapat beberapa kaedah orang pekak berkomunikasi. Antaranya ialah kaedah komunikasi seluruh, kaedah Bahasa Malaysia kod tangan, American sign language, China sign language dan berbagai kaedah tidak rasmi yang digunakan oleh orang pekak. Dengan itu, tidak semua orang pekak menggunakan kaedah komunikasi bahasa isyarat yang sama. penggunaan dan perkembangan bahasa untuk komunikasi oleh manusia normal, bahasa berkomunikasi bagi orang pekak juga mengalami perkembangan selaras dengan kemajuan pendidikan bahasa dan tuntutan perubahan semasa.

Keempat, Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed (2022) telah menulis sebuah kajian yang bertajuk “Orang Pekak Sebagai Cacat Atau Pengguna Minoriti Bahasa: Perspektif Perubatan Dan Linguistik”. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengetahui komuniti orang pekak merupakan kumpulan orang yang memiliki kecacatan atau kumpulan pengguna bahasa minoriti serta kedudukan mereka di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan dalam mengetahui cara orang pekak berkomunikasi dalam kehidupan seharian mereka. Metodologi kajian yang digunakan berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan restrospektif iaitu satu

pendekatan yang mengambil kira perbincangan yang lalu dan semasa berkaitan dengan isu-isu yang diperkatakan. Kemudian, pengkaji cuba membuat penghuraian dan meramalkan impaknya. Hasil kajian ini mendapati bahawa orang pekak menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan orang lain dan terdapat dua aspek iaitu manual dan bukan manual.

Kelima, kajian bertajuk “Kaedah Bahasa Isyarat dalam Pembelajaran al-Quran bagi Orang Kelainan Upaya Pendengaran” yang telah dikarang oleh Raina binti Ramli, Nur Hasanatul Fadhillah binti Ma’arof & Nur Nadiah binti Mohd Halid (2023) dalam penulisan mereka mengatakan bahawa telah banyak usaha yang telah ditambah baik bagi golongan orang kelainan upaya yang beragama Islam juga membincangkan tentang penggunaan bahasa isyarat dalam pembelajaran al-Quran bagi OKU pendengaran. Ini bertujuan bagi menyedarkan lebih ramai dari kalangan masyarakat akan kewujudan pembacaan al-Quran dengan bahasa isyarat dan menggalakkan pembelajaran dan pembacaan al-Quran kepada lebih ramai orang terutamanya golongan orang kelainan upaya. Metodologi kajian yang digunakan adalah kualitatif dengan menganalisis dokumen yang berkaitan dalam menerangkan penggunaan bahasa isyarat dalam pembacaan al-Quran. Dapatan kajian membuktikan al-Quran isyarat ini dapat membantu lebih ramai golongan orang kelainan upaya pendengaran ini untuk membaca dan memahami al-Quran. Penghasilan al-Quran isyarat ini turut menjadi pendorong utama untuk usaha-usaha lain bagi membantu golongan orang kelainan upaya untuk lebih memahami agama Islam.

Keperluan Penggunaan Bahasa Isyarat Bagi OKU Pendengaran Dan Pertuturan

Keenam, Norifumi Aisyah Muhammad Amin (2022) telah menulis kajian bertajuk “Urgensi Bahasa Isyarat Dalam Pendidikan Formal Sebagai Media Komunikasi dan Transmisi Informasi Penyandang Disabilitas Rungtu dan Wicara”. Tujuan kajian ini untuk mengetahui bahawa komunikasi dan penulisan pengetahuan mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia. Ada yang disebabkan oleh keterbatasan informasi dan kemampuan bahasa isyarat boleh menciptakan jurang dan kegagalan dalam berkomunikasi. Impaknya, penyandang OKU pendengaran dan pertuturan sering merasa tertinggal dalam lingkungannya. Metodologi kajian yang digunakan dalam penelitian ini adalah kualitatif. Teknik yang digunakan dalam penelitian ini adalah kajian literatur. Data yang diperoleh terlebih dahulu dianalisis secara mendalam. Penggunaan data untuk penelitian kajian literatur merupakan sumber yang rasmi, iaitu laporan penelitian, catatan ilmiah, tulisan-tulisan rasmi terbitan kerajaan dan lembaga-lembaga yang berkaitan, dengan bentuk buku/manual mahupun digital. Kaedah dan teknik pengolahan data dalam kajian ini perlu ditentukan dengan tepat untuk menjaga relevansi. Hasil kajian mendapati kedudukan, hak, kerakyatan dan peranannya sama seperti dengan masyarakat yang lainnya, oleh kerana itu sudah pastinya negara perlu mengambil langkah-langkah yang tepat dan selayaknya, termasuk menyediakan pembelajaran dan kemajuan bahasa isyarat secara linguistik bagi komuniti OKU pendengaran dan pertuturan.

Ketujuh, kajian bertajuk “Penilaian Analisis Keperluan kepada Penggunaan Bahasa Isyarat bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Masalah Pendengaran” yang ditulis Naimie Mohd Nawawi, Mohd Khairul Amri Kamarudin, Fuad Mat Jali, Mohd Syaiful Nizam Abu Hassan (2020). Tujuan kajian adalah mengetahui bahawa bahasa isyarat menjadi bahasa komunikasi utama Orang Kurang Upaya (OKU) kategori kurang pendengaran bagi berurusan dengan manusia normal. Kaedah analisis ini adalah kualitatif iaitu mengetahui kekuatan hubungan diantara keperluan dengan penggunaan di dalam kajian ini. Seramai sembilan belas responden yang terdiri daripada ahli Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT) telah dipilih bagi menguji instrument kajian. Hasil kajian menunjukkan, hubungan dari kedua-dua pembolehubah iaitu keperluan dengan penggunaan adalah signifikan dengan nilai R^2 0.624 (62.4%). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif diantara keperluan dengan penggunaan bahasa isyarat bagi kalangan OKU kurang pendengaran. Kesimpulannya, hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan utama bagi pihak berkepentingan dalam mengaplikasikan dan mempertingkatkan lagi keperluan dan penggunaan bahasa isyarat, agar ianya bukan sahaja diketahui oleh golongan OKU kurang pendengaran tetapi juga manusia normal. Hal ini penting bagi memudahkan komunikasi OKU dalam melengkapkan kefungsi sosial mereka.

Kelapan, kajian berjudul “Media Interpreting into Malaysian Sign Language Adaptations and Strategies” yang telah dilakukan oleh Samuel K. M. Chew & Andrew K. F. Cheung (2022) yang bertujuan untuk menyiasat perspektif penterjemah Bahasa isyarat yang sangat berpengalaman bekerja dalam keadaan sedemikian. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu daripada artikel dan melalui temu bual separa berstruktur. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa persepsi Komuniti Pekak Malaysia, yang sangat kritikal terhadap kemahiran jurubahasa berkenaan pemahaman mereka tentang tahap kebolehcapaian dan kualiti tafsiran mereka terhadap maklumat teknikal dan kritikal dalam keadaan apabila jurubahasa itu sendiri dan penonton berada di bawah tekanan yang luar biasa akibat berita buruk, ketidaktentuan global dan tekanan ekonomi yang tidak dapat dilepaskan. Kajian ini menafikan banyak mitos dan salah tanggapan orang ramai tentang Komuniti Pekak dan penterjemah bahasa isyarat, seperti penggunaan bahasa isyarat yang standard atau universal, tuntutan persekitaran untuk mentafsir semasa krisis, percanggahan detik interpersonal dan intrapersonal yang dialami oleh jurubahasa, dan tuntutan linguistik dan paralinguistik yang dihadapi semasa sidang akhbar. Malah jurubahasa dengan banyak dekad mentafsir di televisyen dan dalam komuniti mendapati pandangan dunia peribadi mereka serta pemahaman mereka tentang peranan dan profesion mereka diubah dan dinilai semula secara mendadak kerana mentafsir selama dua tahun yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Peranan Media Massa Dalam Memperluaskan Bahasa Isyarat

Kesembilan, Ilhani Hakestipan, Leady Raturahmi, Achmad Wildan (2022) berpendapat dalam kajian mereka “Pengaruh Tayangan Penerjemah Bahasa Isyarat Dalam Program Berita Televisi Terhadap Pengetahuan Khalayak Tuna Rungu”. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana pengaruh tayangan penterjemah bahasa

isyarat dalam program berita televisyen terhadap pengetahuan khalayak OKU pendengaran dan pertuturan khususnya di Organisasi Gerakan Kesejahteraan Tuna Rungu Indonesia-GERKATIN Kabupaten Garut. Media televisyen umumnya menjalankan tugas dan peranannya dalam memenuhi hak masyarakat untuk memenuhi keperluan yang dilakukan oleh media televisyen. Menurut peraturan KPI Nomor 3 Tahun 2017 pasal 59 berkait lembaga penyiaran di Indonesia, menggunakan bahasa isyarat dalam program formal. Maka sejak tahun 2017, hampir seluruh media televisyen nasional seperti TVRI, CNN-TRANS, iNews, TV One, NET, SCTV telah menerapkan penggunaan Juru Bahasa Isyarat (JBI) dalam program berita. Kaedah kajian yang digunakan dalam penelitian ini adalah kaedah kuantitatif dengan pendekatan borang soal selidik sebanyak 83 responden yang terlibat. Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa pengaruh tayangan penerjemah bahasa isyarat dalam program berita dari aspek durasi, frekuensi serta kandungan terhadap pengetahuan OKU Pendengaran dan Pertuturan di organisasi GERKATIN memiliki pengaruh yang cukup signifikan.

Kesepuluh, melalui kajian “Kemahiran Asas Kod Tangan Bahasa Isyarat Berbantuan Aplikasi Mobil Augmentasi Realiti bagi Pelajar Masalah Pendengaran dan Masyarakat Umum” yang dikarang Maisarah Mamat, Suhazlan Suhaimi (2021) menulis kajian ini bertujuan mengetahui bahawa masyarakat memerlukan kemudahan buat mereka yang menghadapi masalah pendengaran dan pertuturan. Mari Belajar Bahasa Isyarat adalah aplikasi mudah alih yang dibangunkan untuk membantu dan mengalakkan pelajar masalah pendengaran dan pertuturan serta masyarakat umum untuk mempelajari serta membantu memudahkan pengguna mengingat kod bahasa isyarat tangan dengan betul. Aplikasi ini telah dibangunkan bersama modul Mari Belajar Bahasa Isyarat yang mengandungi gambar dan warna yang menarik. Modul ini juga dilengkapi dengan Augmented Reality (AR) supaya pengguna dapat melihat objek secara maya. Aplikasi mudah alih ini juga mempunyai antaramuka yang mudah dipelajari, ringkas dan interaktif. Model ADDIE digunakan bagi pembangunan aplikasi ini. Pendekatan kajian kuantitatif digunakan yang melibatkan seramai 30 orang responden yang terdiri daripada 4 kategori umur iaitu 6-18 tahun, 19-30 tahun, 31-40 tahun dan 41 ke atas. Hasil kajian menunjukkan lebih daripada 80% pengguna bersetuju aplikasi yang dibangunkan bersama modul pembelajaran ini memberi manfaat kepada masyarakat dalam mempelajari kemahiran asas bahasa isyarat. Teknologi AR juga telah membantu meningkatkan minat dan kefahaman disamping mengubah cara pembelajaran sedia ada.

Kesebelas, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob (2016) dalam penulisan yang bertajuk “Peranan Media sebagai Alat Kesedaran Sosial dalam Kalangan Orang Kurang Upaya di Malaysia”. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkaji semula peranan yang dimainkan oleh media massa dalam menyebarkan maklumat secara lebih luas tentang isu kesamarataan hak komuniti OKU kepada masyarakat. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif iaitu menggunakan kaedah perpustakaan dengan menganalisis jurnal, artikel dan tesis yang berkaitan. Hasil kajian ini mendapati bahawa media massa memainkan peranan yang penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat

tentang hak kesamarataan hak komuniti OKU dan terdapat pelbagai isu yang perlu dihadapi oleh komuniti OKU mengenai kerjaya dan masa depan mereka.

Kedua belas, kajian bertajuk “Preliminary Findings for The Implementation of Bahasa Isyarat Malaysia and Bahasa Malaysia Kod Tangan Teaching Tool into Android and iPad/iPhone Applications” telah dilakukan oleh Diyana Kamarudin & Yasmin Hussain (2017). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh guru dan murid tentang dunia kecacatan pendengaran di sekolah dan mengkaji ciri-ciri yang diperlukan dalam pembangunan aplikasi berbentuk android dan Ipad untuk Kod Tangan Bahasa Melayu dan Bahasa Isyarat Malaysia. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan mencari maklumat-maklumat berkaitan serta temubual bersama guru berkeperluan khas ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat tiga fasa untuk kajian ini, di mana fasa pertama adalah untuk memahami apa yang kurang dan bagaimana membina alat pengajaran boleh membantu guru, pelajar dan ibu bapa kepada anak yang bermasalah pendengaran. Fasa kedua akan melibatkan penciptaan pengajaran alat berdasarkan penemuan dari fasa satu. Fasa ketiga akan menjadi fasa pelaksanaan di mana data akan dikumpulkan daripada enam sekolah berbeza untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan yang ketara dalam bahasa pelajar pencapaian Melayu.

Ketiga belas, Nurul Izzati Binti Mohd Zaki (2021) telah melakukan kajian yang bertajuk “Aplikasi MyKamus Sebagai Pemudahcara Pembelajaran Asas Bahasa Isyarat”. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memperluaskan penggunaan ilmu bahasa isyarat melalui aplikasi MyKamus sebagai pemudahcara untuk berkomunikasi dengan komuniti OKU pendengaran dan pertuturan. Metodologi kajian ini berbentuk kuantitatif yang mensasarkan 30 orang pelajar Politeknik Banting Selangor sebagai responden untuk melihat sejauhmana keberkesanan aplikasi myKAMUS membantu dalam penguasaan asas Bahasa Isyarat. Hasil kajian ini mendapati bahawa majoriti pelajar berpuas hati dengan penggunaan Aplikasi myKAMUS dan yakin untuk berkongsi ilmu tentang bahasa isyarat yang diperoleh daripada aplikasi ini.

Keempat belas, menurut kajian yang telah dilakukan oleh Dian Lioni Putri, Emilda Firdaus & Hengki Firmanda S (2023) mereka berpendapat dalam kajian bertajuk “Pemenuhan Hak Tunarungu Dalam Penggunaan Bahasa Isyarat pada Media Televisi di Kota Pekanbaru” bahawa stasiun televisi di Indonesia masih banyak yang tidak memperhatikan hak-hak dari penyandang disabilitas terutama tunarungu dalam menggunakan bahasa isyarat sebagai penghubung antara tunarungu dengan informasi televisi. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi kesedaran hukum tunarungu yang berkurang, minimumnya dana serta sedikitnya Juru Bahasa Isyarat di kota Pekanbaru. Metodologi kajian yang digunakan metode purposive iaitu menetapkan sejumlah sampel yang mewakili jumlah populasi yang ada juga analisis data yang digunakan adalah analisis data kualitatif. Hasil kajian ini mendapati bahawa negara pada dasarnya sudah memberikan mandat secara normative terkait pelayanan informasi menggunakan bahasa isyarat, namun tidak jelas untuk acara tv jenis apa yang akan diberikan bahasa isyarat. Terkait dengan peraturan daerah tersebut juga tidak memberikan ukuran yang tegas tentang apa yang menjadi tolak ukur untuk menjadi informasi yang penting dan berguna dalam segala aspek kehidupan.

Akhir sekali, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Farah Izzati Md Rashid & Mohd Hishamuddin Abdul Rahman (2021) dalam penulisan mereka yang berjudul “Pembangunan Aplikasi Mudah Alih “Pocket Lingua Sign” untuk Pembelajaran Bahasa Isyarat” yang memperkenalkan aplikasi Pocket Lingua Sign ini merupakan satu aplikasi yang dibangunkan untuk membantu masyarakat yang ingin mempelajari dan memahami Bahasa isyarat pada peringkat awal. Kajian ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang yang kurang mengetahui berkenaan Bahasa isyarat. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif melalui pendedahan soal selidik di dalam bentuk Google Form. Hasil dapatan menunjukkan bahawa aplikasi ini dapat memudahkan pengguna untuk mencari bahan maklumat berkenaan bahasa isyarat tangan.

Definisi Tajuk

Bahasa isyarat merupakan kaedah komunikasi yang menggunakan pergerakan badan, bibir dan tangan dalam menyampaikan sesuatu maklumat dan mezhahirkan maksud kata-kata seorang penutur.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4, mendefinisikan bahasa isyarat sebagai cara berkomunikasi yang tidak menggunakan ucapan atau tulisan (sebagaimana lazim dalam sesuatu bahasa) tetapi menggunakan gerak isyarat anggota. Media massa didefinisikan dengan pelbagai jenis alat komunikasi (seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah dan lain-lain) yang menyampaikan maklumat (berita) kepada orang ramai dengan cepat (masa yang singkat). Cabaran didefinisikan sebagai mempersoalkan dan mempertikaikan. Ia juga bermaksud sesuatu (unsur, faktor) yang mencabar (menguji ketabahan dan kemampuan seseorang atau sesuatu organisasi).

Peranan adalah tugas atau aktiviti yang sedang dilaksanakan berkaitan dengan fungsi tertentu dan melibatkan hubungan dengan orang lain atau perkara yang memainkan peranan penting dalam menentukan sesuatu. Menurut Riyadi (2002), peranan ialah orientasi atau konsep yang terbentuk kerana sesebuah organisasi berada dalam pertentangan sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Ini adalah berdasarkan individu dan sebab untuk melaksanakan tindakan yang dikehendaki.

Metodologi kajian

Metodologi merupakan kaedah dan teknik mencipta, mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi kajian juga menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah serta teknik tertentu yang digunakan. Selain itu, metodologi kajian merupakan medium utama untuk menjawab dan mencapai objektif kajian. Dalam konteks kajian ini, pendekatan kualitatif adalah lebih tepat digunakan yang mana sifat kajiannya meliputi kepada kajian kes. Kaedah kajian kualitatif juga menyifatkan kajian kes yang melibatkan pengumpulan maklumat dan data secara teliti (Nur Damia Husna, 2016). Dalam kajian kes, pengkaji perlu menyelidik secara terperinci mengenai tingkah laku individu, keadaan sosial dan sesuatu peristiwa yang berlaku (Chua, 2012).

Dalam kajian ini, pengkaji cuba untuk mendapatkan maklumat berkenaan isu, cabaran dan peranan Bahasa Isyarat dalam media massa, maka pemilihan kajian kes untuk kajian kualitatif sangat sesuai dengan kajian yang ingin dilakukan. Tambahan lagi, kajian kualitatif ia tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap penerokaan sesuatu dengan sangat mendalam terhadap masalah atau fenomena yang berlaku dalam masyarakat. Analisis kandungan ialah cara memahami maklumat yang terdapat dalam bentuk bertulis, menggunakan kajian daripada sumber yang berbeza seperti gambar, visual penyiaran, karya sastera dan manuskrip (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2015).

Isu-isu semasa yang timbul mengenai penggunaan Bahasa Isyarat

Penggunaan bahasa isyarat dalam kehidupan seharian merupakan medium utama untuk berkomunikasi bagi golongan-golongan yang istimewa seperti golongan yang bermasalah pendengaran, pertuturan dan sebagainya. Ini adalah suatu kaedah bagi golongan yang terlibat dalam mengekspresikan perasaan, pendapat dan idea, bantahan dan seumpama dengannya. Bahasa Isyarat digunakan secara meluas oleh kebanyakan golongan OKU pendengaran dan pertuturan di Malaysia. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan antara bahasa isyarat mengikut tempat dan lokasi seperti bagi golongan tipikal, ia boleh dikatakan sebagai loghat atau dialek tempatan. Di Malaysia, terdapat dua jenis bahasa isyarat yang utama digunakan secara meluas iaitu Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM). Untuk membezakan dua jenis bahasa isyarat ini boleh dikatakan bahawa BIM lebih kepada percakapan harian biasa manakala KTBM lebih kepada bahasa yang biasa digunakan dalam penulisan dan rasmi.

Bagaimanapun, secara amnya mengenai penggunaan bahasa isyarat ini, terdapat juga beberapa isu semasa yang timbul antaranya adalah isu kekurangan tenaga pengajar bahasa isyarat di Malaysia yang menjadi perhatian kerana beberapa faktor seperti keterbatasan program pendidikan yang mendorong tenaga pengajar lebih terlatih dalam penggunaan bahasa isyarat. Selain itu, isu kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap golongan OKU pendengaran dan pertuturan juga berkurang di mana mereka tidak mengetahui betapa pentingnya penggunaan bahasa isyarat untuk keperluan pendidikan bagi golongan istimewa ini yang merupakan kaedah komunikasi seharian mereka. Isu kekurangan ini terus berlanjutan dari semasa ke semasa yang perlu diambil beberapa cadangan dan solusi untuk menyelesaikannya bagi kesejahteraan golongan OKU pendengaran dan pertuturan agar penggunaan bahasa isyarat ini terus dipertingkatkan.

Cabaran yang dihadapi dalam penyampaian Bahasa Isyarat

Orang Kelainan Upaya (OKU) pendengaran dan pertuturan merupakan insan istimewa yang mempunyai cara mereka yang tersendiri untuk berkomunikasi dengan golongan yang sama seperti mereka iaitu dengan melalui penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) atau Malaysian Sign Language (MySL). Bahasa isyarat ini bukan hanya bermanfaat untuk golongan OKU pendengaran dan pertuturan sahaja, bahkan individu normal juga turut memperolehi kebaikannya jika masyarakat sedar akan kepentingan bahasa isyarat ini bagi kedua-dua belah pihak. Tidak dinafikan kod tangan bahasa isyarat sangat mencabar dan tidak mudah difahami kerana majoriti masyarakat Malaysia tidak diberikan pendedahan awal tentang asas bahasa isyarat di sekolah mahupun menerusi apa-apa aplikasi di media sosial. Seharusnya asas bahasa

isyarat perlu dimasukkan dalam silibus pembelajaran di sekolah melainkan sekolah pendidikan khas yang memang silibus tersebut dikhususkan untuk golongan tertentu yang sudah berdaftar keahlian OKU mereka. Ibarat melentur buluh biarlah dari rebungunya, sebaik-baiknya kemahiran bahasa isyarat ini perlu didedahkan seawal usia kanak-kanak agar mereka dapat memahami kepentingan bahasa isyarat dalam membantu golongan istimewa ini.

Oleh kerana tiada pendedahan awal ini, masyarakat tidak dapat memahami dengan baik golongan ini, sama juga buat golongan normal juga tidak dapat berkomunikasi dengan OKU pendengaran dan pertuturan jika mereka memerlukan sesuatu untuk ditanya, satu-satunya cara untuk memahami dan berkomunikasi hanyalah menaip di telefon bimbit atau menulis di atas kertas. Masyarakat umum perlulah menambah ilmu dan melengkapi diri dengan kemahiran asas dalam penguasaan bahasa isyarat untuk membantu mewujudkan persekitaran kondusif selain perspektif baik mengenai golongan istimewa ini. Kesedaran ini serba sedikit dapat membantu golongan istimewa ini dan tiada rasa disisihkan daripada kegiatan kemasyarakatan. Bahasa Isyarat bukan hanya untuk OKU Pendengaran dan Pertuturan sahaja bahkan untuk semua supaya semua masyarakat dapat berkomunikasi dengan baik dan dapat mewujudkan suasana yang harmoni.

Peranan Media Massa dalam memperluaskan penggunaan Bahasa Isyarat

Media massa merupakan pihak yang dapat memberikan maklumat lanjut tentang golongan OKU dan keperluan mempelajari bahasa isyarat dalam kalangan masyarakat. Dengan itu, media massa seperti televisyen mempunyai peranan penting dalam menyebarkan maklumat mengenai bahasa isyarat. Ini bagi meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai kepentingan bahasa isyarat kepada komuniti OKU melalui media massa supaya komuniti ini tidak berasa dipinggirkan. Akibat daripada kekurangan pengetahuan yang sah mengenai fungsi media massa sebagai pencorak sosio-budaya serta maklumat mengenai bahasa isyarat yang ada, maka hal ini telah menyebabkan kesukaran dalam proses pemahaman, penilaian dan pembentukan tingkah laku di dalam masyarakat.

- Penyediaan jurubahasa isyarat di televisyen

Jurubahasa isyarat ialah orang yang ditugaskan dalam menterjemahkan bahasa pertuturan kepada bahasa isyarat dan sebaliknya untuk orang OKU pendengaran dan OKU pertuturan. Mereka terikat dengan beberapa etika seperti profesional dan seorang jurubahasa isyarat hendaklah mempunyai tauliah bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan (Adlan Farhan, 2022). Selain itu, World Health Organization (WHO) ada menyatakan bahawa peningkatan penterjemah bahasa isyarat merupakan tindakan yang sangat penting bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan bahasa isyarat dan mampu untuk memperluaskan lagi penggunaan bahasa isyarat (WHO, 2019). Dengan ini, setiap komuniti OKU pendengaran dan pertuturan dapat memahami maklumat yang ingin disampaikan di televisyen dan tidak tertinggal dari mengetahui perkembangan semasa. Sebagai contoh, kewajipan penggunaan khidmat jurubahasa isyarat (JBI) pada siaran berita merupakan salah satu langkah kerja Malaysia seperti yang dinyatakan dalam pembentangan Bajet 2020 oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul dan ia mendapat sokongan yang baik daripada pelbagai pihak termasuk stesen televisyen. Usaha itu disifatkan sebagai sesuatu yang

positif kerana langkah itu membolehkan Orang Kelainan Upaya (OKU) meningkatkan akses terhadap media selain cakna dengan berita semasa dan informasi terkini.

- Memaparkan iklan berkaitan bahasa isyarat

Televisyen dianggap sebagai media massa yang paling efektif dalam menarik minat masyarakat terhadap sesuatu melalui iklan. Iklan khidmat masyarakat adalah sebahagian daripada kempen pemasaran sosial yang bertujuan untuk kepentingan atau perkhidmatan masyarakat (Madjadikara, 2004). Pengulangan mesej pengiklanan adalah strategi untuk mendekati khalayak sasaran. Mesej yang sama yang diulang-ulang akhirnya akan menyebabkan dia mengingati mesej yang disampaikan (Firdausi, 2002). Iklan yang semakin luas medianya dan semakin tinggi frekuensi tayangnya memungkinkan penonton semakin kerap menerima maklumat daripada iklan dan merasakan kesan iklan tersebut (Indriarto, 2006). Keperluan setiap saluran televisyen dalam memaparkan iklan berkaitan bahasa isyarat dilihat dapat membantu dalam memperluaskan penggunaan bahasa isyarat dalam kalangan masyarakat. Iklan yang efektif mengenai bahasa isyarat dapat menarik minat masyarakat untuk mempelajari bahasa isyarat yang merupakan bahasa utama untuk berkomunikasi dengan orang OKU pertuturan dan pendengaran. Contoh-contoh iklan seperti simbol-simbol asas bahasa isyarat dan sehari satu ayat menggunakan simbol bahasa isyarat dapat membantu dalam perluasan penggunaan bahasa isyarat.

Kesimpulan

Bahasa isyarat adalah simbol yang digunakan oleh OKU pendengaran dan pertuturan untuk berkomunikasi dan berinteraksi supaya mereka boleh menyampaikan maklumat dan bertukar pendapat. Walaupun ada diantara mereka boleh berkomunikasi secara lisan melalui pergerakan bibir orang lain, namun ini cenderung menyebabkan mereka tersalah tafsir makna kerana kebolehan mereka adalah terhad, contohnya dalam mendengar intonasi dan nada yang penting dalam memahami proses komunikasi lisan. Bahasa isyarat sebagai satu bentuk komunikasi yang digunakan dalam media massa boleh mewujudkan masyarakat yang memahami dan mengaplikasikan bahasa isyarat dalam berkomunikasi dan berinteraksi dengan OKU pendengaran dan pertuturan.

Oleh itu, OKU pendengaran dan pertuturan boleh mengikuti perkembangan persekitaran dan mewujudkan persekitaran yang mesra. Kajian ini juga percaya jika pihak media massa terutama sekali media televisyen boleh memberi peluang pekerjaan kepada OKU ini seperti pembantu khas untuk membantu berkomunikasi diantara manusia normal dengan OKU kategori kurang pendengaran dimana sahaja bagi menterjemah kepada ayat yang lebih mudah difahami. Tambahan lagi, ianya secara tidak langsung memperkembangkan penggunaan bahasa isyarat dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Jika tiada bantuan yang dilakukan dalam memperkembangkan penggunaan bahasa isyarat sudah semestinya golongan OKU pendengaran dan pertuturan akan ketinggalan dengan arus kemodenan dan ditinggirkan. Ini sudah menjadi tanggungjawab bersama dalam membantu golongan OKU pendengaran dan pertuturan kerana mereka juga ingin memajukan diri dan menjalani kehidupan seperti keluarga normal yang lain.

Rujukan

- Abdul Munir, I. (2012). Mengenal Kaedah Orang Pekak Berkomunikasi. *Proceedings Of International Conference On Public Policy And Social Science, Uitm Melaka Malaysia*, 290–295.
- Abdul Rahim, S. Z. & Ayob, L. (2022). Interpretasi Bahasa Isyarat: Perbezaan Dan Persamaan Dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (Bim) Dan Kod Tangan Bahasa Malaysia (Ktbm). *Jurnal Penterjemah; Journal Of The Malaysian Translators Association*, 79-94.
- Chong Vee Yee (2018). Development Of Malaysia Sign Language In Malaysia. *Journal Of Special Needs Education, Vol. 8, 2018*
- Dian Lioni Putri, Emilda Firdaus & Hengki Firmanda S (2023). Pemenuhan Hak Tunarungu Dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Pada Media Televisi Di Kota Pekanbaru. *Jurusan Hukum, Fakultas Hukum, Universitas Riau, Indonesia. Innovative: Journal Of Social Science Research*, 3(4), 8928–8937. <https://doi.org/10.31004/innovative.v3i4.4668>
- Farah Izzati Md Rashid & Mohd Hishamuddin Abdul Rahman (2021). Pembangunan Aplikasi Mudah Alih “Pocket Lingua Sign” Untuk Pembelajaran Bahasa Isyarat. *Journal Of Engineering, Technology & Applied Science, P-Issn: 2721-7949, E-Issn: 2721-8090*
- Hazlina Falina, R., Wan Amizah, W. M., & Maizatul Haizan, M. (2016). Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Di Malaysia. *Malaysian Journal Of Communication*, 32(2), 471–488.
- Ilhani, H., Leadya, R., & Achmad, W. (2022). Pengaruh Tayangan Penerjemah Bahasa Isyarat Dalam Program Berita Televisi Terhadap Pengetahuan Khalayak Tuna Rungu. *Fakultas Ilmu Komunikasi, Universitas Garut, Indonesia*, 2–3.
- Kamarudin, D. & Hussain, Y. (2017). Preliminary Findings For The Implementation Of Bahasa Isyarat Malaysia And Bahasa Malaysia Kod Tangan Teaching Tool Into Android And Ipad/Iphone Applications. *Proceedings Of The International Conference On Special Education, Ump Malaysia*, 665-672.
- Maisarah, M., & Suhazlan, S. (2021). Kemahiran Asas Kod Tangan Bahasa Isyarat Berbantuan Aplikasi Mobil Augmentasi Realiti Bagi Pelajar Masalah Pendengaran Dan Masyarakat Umum. *Journal Of Ict In Education*, 8(3), 117–125. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol8.sp.1.9.2021>
- Mohd Zaki, N. I. (2021). Aplikasi Mykamus Sebagai Pemudahcara Pembelajaran Asas Bahasa Isyarat. *E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-3 2021 Usim Nilai*, 70-80.
- Norifumi Aisyah, M. A., & Farid, P. (2022). Urgensi Bahasa Isyarat Dalam Pendidikan Formal Sebagai Media Komunikasi Dan Transmisi Informasi Penyandang Disabilitas Rungu

Dan Wicara. *Jurnal Hasil Pemikiran, Penelitian Dan Pengembangan Keilmuan Sosiologi Pendidikan*, 9(1), 77–74.

Raina Binti Ramli, Nur Hasanatul Fadhillah Binti Ma'arof & Nur Nadiah Binti Mohd Halid (2023). Kaedah Bahasa Isyarat Dalam Pembelajaran Al-Quran Bagi Orang Kelainan Upaya Pendengaran. *Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia – Darul Quran (Usim -Dq), Malaysia*

Rosli, H. F., Wan Mahmud, W. A. & Haizan, M. (2016). Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal Of Communication*, 32 (2), 471-488.
[Http://Ejournal.Ukm.My/Mjc/Issue/View/877](http://Ejournal.Ukm.My/Mjc/Issue/View/877)

Samuel K. M. Chew & Andrew K. F. Cheung (2022). Media Interpreting Into Malaysian Sign Language Adaptations And Strategies. *Incontext 2:2 (2022)*, Pp. 112-136. *Issn 2799-6190 | Eissn 2799-8952*, <https://doi.org/10.54754/incontext.v2i2.23>

Yusoff, A., & Mohamed, C. (2022). Orang Pekak Sebagai Cacat Atau Pengguna Minoriti Bahasa: Perspektif Perubatan Dan Linguistik. *Jurnal Bahasa*, 10(1), 136-161.
<https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8463/3991>